

Mahu terus berbakti kepada seni dan masyarakat



PENCINTA SENI DAN BUDAYA MELAYU: Amirul Adli Rosli mencapai keputusan cemerlang dalam GCE peringkat 'A' dan kini ingin menceburi bidang kerja kemasyarakatan.
- Foto-foto KHALID BABA

3 Mar 2015

HAIRIANTO DIMAN

DENGAN keputusan cemerlang bagi peperiksaan peringkat 'A', Amirul Adli Rosli, pelajar aliran seni, ingin menceburi bidang kerja kemasyarakatan di Universiti Nasional Singapura (NUS) atau di luar negara jika dapat biasiswa.

Beliau meraih gred A bagi mata pelajaran Sejarah, Sastera Melayu dan Matematik (H1); gred B bagi Kertas Am (GP) dan gred C bagi Ekonomi.

Minat melakukan kerja kemasyarakatan dan membantu orang dalam kesusahan sudah lama terpatери kukuh di dalam jiwanya.

"Saya dibesarkan dalam keluarga yang sempurna. Ramai kawan saya juga tidak mempunyai masalah keluarga. Dengan itu, saya ingin memahami serta membantu orang yang kurang bernasib baik.

"Tambahan, kerja kemasyarakatan adalah satu pekerjaan mulia," kata beliau yang sedang menjalani perkhidmatan negara.

Melalui Program Elektif Bahasa Melayu (MLEP) yang ditawarkan Maktab Rendah Pioneer (PJC), beliau mengikuti program kerja kemasyarakatan selama lima hari anjuran pertubuhan Angkatan Karyawan Islam (AMP) di Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS).

Dari situ, beliau mempelajari peranan dan tanggungjawab seorang pekerja kerja kemasyarakatan dan dapat bekerjasama dengan PPIS dalam dua kes kebajikan.

Amirul juga pencinta seni dan budaya Melayu.

Sebagai naib presiden MLEP dan Persatuan Budaya Melayu (MCS) di PJC, beliau menganjur pelbagai kegiatan budaya, mengatur jadual bagi latihan tarian dan mengurus kerja pentadbiran seperti mengumpul maklum balas daripada anggota MCS.

"Saya memang minat membuat persembahan di atas pentas. Saya gembira diberi peluang membuat persembahan tarian bagi acara Elemental di mana setiap kumpulan seni di PJC dapat menunjukkan bakat mereka," ujarnya yang hanya mula berjinak dengan tarian Melayu pada tahun pertama di PJC kerana ingin mencuba sesuatu yang baru.

Beliau juga diberikan peluang menulis skrip bagi persembahan muzikal yang menjadi sebahagian daripada pameran tamat pengajian MLEP.

Latihan bagi muzikal itu berlangsung selama lima bulan dan persembahan diadakan Mei lalu di PJC. Hasil jualan tiket muzikal itu pula disalurkan kepada dana pelajar PJC yang kurang bernasib baik.

Amirul juga membantu memperkenalkan budaya dan seni Melayu kepada pelajar dari Jepun. Beliau membuat persembahan tarian Melayu dan silat untuk mereka.

Selain tarian, beliau juga mahir bermain muzik dan telah membentuk band bersama empat rakannya.

Beliau bermain gitar dan mencipta lagu yang kemudian dimuatnaikkan ke laman Bandcamp. Semua rakaman lagu dilakukan sendiri di rumah rakannya.

"Saya bersyukur dengan peluang yang diberikan PJC serta MLEP untuk membangunkan minat saya dalam bidang seni dan budaya Melayu.

"Saya pegang kuat kepada visi MLEP iaitu "Penggerak Nilai Kemanusiaan" dan akan terus berbakti kepada masyarakat melalui kerja kebajikan," tambah beliau.